
Guru diminta manfaatkan program 'outreach' Astro

Utusan Borneo Sabah
24-Jul-2009
Page: 7
General News
By: Oieh Henry Bating
Region: Sabah
Circulation: 21000
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 414.73 sq.cms
Frequency: MTWTFS

Guru diminta manfaatkan program 'outreach' Astro

Oleh HENRY BATING

TENOM: Warga pendidik diminta manfaatkan sepenuhnya program 'outreach' atau 'jangkau luar' Astro yang menawarkan pelbagai saluran maklumat, pembelajaran dan hiburan demi memperkayakan pengetahuan pelajar khususnya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Pegawai Pelajaran Daerah, Ajmal Haji Jumah berkata program jangkau luar Astro yang memiliki 11 saluran itu dapat memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar seperti pendidikan, rujukan dan hiburan.

"Program jangkau luar kampus Astro merupakan satu lagi mekanisme anjakan pendidikan untuk para pelajar di luar bandar dalam bentuk pendidikan bergambar yang boleh dijadikan sumber rujukan pendidikan bagi mengimbangi jurang maklumat kawasan bandar dan luar bandar," katanya.

Ajmal berkata demikian ketika diminta mengulas impak pendidikan jangkau luar kampus Astro yang pamerannya diadakan di perkarangan SJK© Chung Hwa di sini kelmarin.

Ajmal berharap Astro dapat meneruskan program itu ke sekolah-sekolah terpencil seperti di kawasan Rundum.

Program berkenaan merupakan susulan pelancarannya di Nabawan beberapa bulan lalu dan akan terus dilebarkan ke sekolah-sekolah terpencil.

"Semua pelajar diberi keutamaan di mana fasa rintis tiga sekolah sudah dilaksanakan di peringkat awal sebagai percubaan dan kini dilebarkan ke semua sekolah luar bandar," katanya.

Ajmal menyanjung tinggi keprihatinan Astro yang telah bermurah hati menyumbang perkhidmatan ke semua sekolah untuk menjayakan program berkenaan.

Sementara itu, Pegawai Khas Hal Ehwal Komuniti Astro, Isa Ismail ketika ditemui menjelaskan program tersebut merupakan aktiviti Astro untuk seluruh negara tetapi bagi Sabah dan Sarawak mereka lebih memfokuskan kepada sekolah-sekolah luar bandar.

"Kita telahpun memulakan program ini di SMK Sri Nangka, Tuaran pada Jun selepas dilancarkan di Nabawan dan kali ini kita adakan di SJK© Chung Hwa Tenom sementara minggu hadapan berpindah ke SM Ken Hwa Keningau," kata Isa.

Isa seterusnya berkata, program komuniti Astro akan diteruskan sepanjang masa namun setakat ini keutamaan diberikan kepada sekolah luar bandar sebelum berpindah ke sekolah kawasan bandar.

Program jangkau luar kampus Astro itu merupakan program bersama antara Jabatan Pelajaran Daerah dengan Astro yang diselaraskan oleh Unit Maklumat, Stanislaus Marius Jinin yang Penolong Pegawai Pelajar Daerah.

Guru diminta manfaatkan program 'outreach' Astro

Utusan Borneo Sabah
24-Jul-2009
Page: 7
General News
By: Oieh Henry Bating
Region: Sabah
Circulation: 21000
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 414.73 sq.cms
Frequency: MTWTFS

KAMPUS ASTRO ... Ajmal (tengah) bergambar bersama guru di hadapan foyer Kampus Astro. Sementara gambar di bawah Ajmal mendengar taklimat dari juruteknik Astro.